

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' MASIR ANAK KUJAT (SRI AMAN)

TARIKH : 12 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

DATO' MASIR ANAK KUJAT [SRI AMAN] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah Jajaran Serian - Sri Aman Projek Lebuh Raya Pan Borneo siap. Apakah status pelaksanaan Jajaran tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jajaran Serian ke Sri Aman bagi Projek Lebu Raya Pan Borneo Sarawak terdiri daripada 2 Pakej Kerja iaitu Pakej Bulatan Serian ke Persimpangan Pantu dan Persimpangan Pantu ke Batang Skrang. Sehingga bulan Ogos 2021, status kemajuan terkini bagi Pakej Pakej Bulatan Serian ke Persimpangan Pantu adalah 92% dengan jangkaan siap pada April 2022 manakala Pakej Persimpangan Pantu ke Batang Skrang adalah 66% dengan jangkaan siap pada September 2022.

Sama seperti projek-projek Kerajaan lain, wabak Covid-19 telah memberi kesan ke atas kemajuan kerja dan kos pembinaan Projek Lebu Raya Pan Borneo Sarawak. Sehubungan itu pelbagai *mitigation plan* sedang dilaksanakan antara lainnya penyelarasan semula jadual pembinaan dan Lanjutan Masa (*Extension Of Time - EOT*) bagi memastikan kelancaran dan kelangsungan projek.

Sekian, terima kasih.